

**UCAPAN**

**Y.BHG. TAN SRI DATIN PADUKA SERI  
HAJAH ZALEHA ISMAIL  
PENGERUSI LPPKN**

**PERHIMPUNAN AWAL TAHUN 2009**

**TARIKH : 12 JANUARI 2009**

**MASA : 8.30 PAGI**

**TEMPAT : DEWAN BESAR,  
TINGKAT 22, BANGUNAN LPPKN,  
JALAN RAJA LAUT,  
KUALA LUMPUR**

**BISMILLAHIRAHMANIRRAHIM,**

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABA-RAKATUH, SALAM**

**SEJAHTERA DAN SALAM KEKELUARGAAN.**

**YANG BERUSAHA PENERUS MAJLIS**

**YANG BERBAHAGIA DATO'  
AMINAH ABDUL RAHMAN,  
KETUA PENGARAH LPPKN**

**YANG BERUSAHA DR. ANJLI DOSHI,  
TIMBALAN KETUA PENGARAH (DASAR) LPPKN**

**YANG BERUSAHA ENCIK NAHARUDIN ABDULLAH,  
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PENGURUSAN) LPPKN**

**PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN,**

**PEGAWAI-PEGAWAI DAN ANGGOTA LPPKN YANG DIHORMATI SEKELIAN,**

TERLEBIH DAHULU MARILAH KITA MEMANJAT KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH S.W.T. DI ATAS LIMPAH KURNIA DAN INAYAHNYA PADA PAGI INI, KITA DAPAT BERSAMA-SAMA BERHIMPUN DI MAJLIS PERHIMPUNAN AWAL TAHUN 2009 PERINGKAT LPPKN. SAYA JUGA BERHARAP AGAR TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEMUA DALAM KEADAAN SIHAT WALAFIAT, DIBERI KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN SERTA SENTIASA DILINDUNGI OLEH ALLAH S.W.T.

KALENDAR BARU TAHUN 2009 TELAH BERMULA DAN DIKESEMPATAN INI SAYA MENGUCAPKAN SELAMAT TAHUN BARU KEPADA SEMUA WARGA LPPKN. SEHARUSNYA KITA BERSYUKUR KE HADRAT ILAHI KERANA KITA DIKURNIAKAN UMUR YANG PANJANG DAN KESIHATAN YANG SEJAHTERA UNTUK MELANGKAH KE TAHUN BARU INI.

SAYA JUGA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN SELAMAT TAHUN BARU CINA YANG AKAN DIRAIKAN PADA 26HB JANUARI 2009 DAN SEMOGA TAHUN YANG BARU INI AKAN MEMBAWA KEHARMONIAN DAN KEBAHAGIAAN KEPADA SEMUA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

SEKARANG, KEADAAN DAN PERSEKITARAN NEGARA TELAH BERUBAH DENGAN BEGITU KETARA SEKALI. EKONOMI NEGARA YANG TERBUKA MENYEBABKAN KITA PERLU BERSAING DALAM PASARAN GLOBAL YANG AMAT PANTAS DAN KOMPETITIF. TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT) TELAH MENGUBAH CARA BEKERJA DARI SEGENAP ASPEK.

MANAKALA KAEDAH PERTUMBUHAN BERINSENTIFKAN BURUH DAN MODAL TELAH BERTUKAR KEPADA PERTUMBUHAN BERASASKAN

PRODUKTIVITI DAN PENGETAHUAN. OLEH ITU, JUSTERU, ANGGOTA LPPKN PERLU MENGUBAH SIKAP DAN CARA BEKERJA UNTUK TERUS BERSAING DI SEMUA PERINGKAT, BAGI MEMASTIKAN LPPKN TIDAK TERPINGGIR DALAM PERSAINGAN YANG BEGITU SENGIT.

APABILA TIBA TAHUN BARU SEPERTI INI LAZIMNYA, KITA MENILAI PENCAPAIAN YANG LEPAS SERTA MERANCANG STRATEGI DAN PROGRAM UNTUK TAHUN BARU. BAGAIMANAPUN, KITA JANGAN SAMA SEKALI LUPA AZAM-AZAM LAMA YANG MASIH BELUM TERTUNAI PADA TAHUN 2008 YANG LEPAS. DENGAN ITU CABARAN PERTAMA TAHUN 2009 IALAH MENUNAIKAN AZAM YANG BELUM KESAMPAIAN BERSAMA-SAMA DENGAN AZAM-AZAM BARU YANG PASTINYA TELAH MENGAMBIL KIRA PERKEMBANGAN DAN CABARAN SEMASA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

BAGI MENGHADAPI TAHUN 2009, SAYA INGIN MENYARANKAN BEBERAPA ASPEK ASAS YANG BOLEH KITA FIKIR DAN BANGUNKAN SERTA PERKUKUHKAN BAGI LPPKN UNTUK MENANGANI SEGALA CABARAN YANG MENDATANG. CABARAN PERTAMA: MEMBINA STRATEGI PEMBANGUNAN MANUSIA/ INSAN (BUILDING A PEOPLE STRATEGY). PELUANG PEMBANGUNAN DIRI (MODAL INSAN) INI HENDAKLAH DIREBUT MELALUI PEMBELAJARAN BERTERUSAN DAN AMALAN BUDAYA ORGANISASI PEMBELAJARAN BAGI MEMASTIKAN ANGGOTA LPPKN MEMPUNYAI TAHAP KOMPETENSI YANG TERBAIK UNTUK MELAKSANAKAN TUGAS YANG DIAMANAHKAN. SUKA SAYA MENYATAKAN BAHAWA PADA HARI INI TERDAPAT 3 CABARAN YANG MEMPUNYAI KAITAN DENGAN ISU PEMBANGUNAN MODAL INSAN, IAITU:

- 1) MENARIK DAN MENGEKALKAN PEKERJA YANG BAIK (*ATTRACTING AND RETAINING THE RIGHT PEOPLE*);
- 2) MEMASTIKAN MEREKA (PEKERJA) MEMPUNYAI KOMPETENSI UNTUK MEMENUHI MATLAMAT ORGANISASI (*ENSURING THEY HAVE THE COMPETENCIES TO FULFIL ORGANISATIONAL GOALS*); DAN
- 3) MEMBERI MOTIVASI KEPADA MEREKA (PEKERJA) UNTUK MELABUR DARI SEGI MASA, USAHA DAN KREATIVITI DALAM ORGANISASI (*MOTIVATING THEM TO INVEST THEIR TIME, EFFORT AND CREATIVITY IN THE ORGANISATION*).

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

CABARAN KEDUA: PEMBANGUNAN BUDAYA BERORENTASIKAN PRESTASI (*DEVELOPMENT OF A PERFORMANCE ORIENTED CULTURE*). SAYA JUGA BERASA AMAT BERSYUKUR KERANA SEPANJANG SAYA BERSAMA-SAMA LPPKN BANYAK YANG DAPAT SAYA LIHAT MENGENAI KEJAYAAN-KEJAYAAN YANG TELAH DICAPAI OLEH LPPKN. TAHNIAH DAN SYABAS SAYA UCAPKAN KEPADA SEMUA ANGGOTA LPPKN.

NAMUN BEGITU SUKA DIINGATKAN KITA TIDAK BOLEH TERLALU SELESA DENGAN KEJAYAAN-KEJAYAAN YANG TELAH DICAPAI SETAKAT INI. SEBALIKNYA KITA HARUS TERUS BERUSAHA GIGIH UNTUK MENCAPAI KEJAYAAN LEBIH TINGGI YANG RELEVAN DENGAN PERUBAHAN MASA.

CABARAN KETIGA: MENERAJUI PERUBAHAN (*LEADING CHANGE*). DALAM MENANGANI PERUBAHAN-PERUBAHAN YANG BERLAKU, KITA

MEMERLUKAN *CHAMPIONS OF CHANGE* DI PERINGKAT ATASAN, PERTENGAHAN DAN JUGA DI PERINGKAT AKAR UMBI. SAYA FIKIR KITA SEMUA BERSETUJU BAHAWA KEDUDUKAN KITA DALAM HAL INI MASIH ADA RUANG UNTUK DIPERTINGKATKAN.

CABARAN KEEMPAT: MEMUPUK DAN MENINGKATKAN INTEGRITI.

LAZIMNYA, SATU PERKARA YANG SUKAR UNTUK DIATASI DI DALAM MANA-MANA ORGANISASI IALAH SIKAP WARGANYA YANG TIDAK JUJUR KEPADA ORGANISASI DAN DIRI SENDIRI. SIKAP TIDAK JUJUR INI PERLU DIUBAH SEKIRANYA MASIH ADA DI KALANGAN ANGGOTA LPPKN.

SAYA YAKIN SEMUA DI DALAM DEWAN INI BERSETUJU BAHAWA KITA MEMERLUKAN ANGGOTA LPPKN YANG MEMPUNYAI KEPERIBADIAN YANG MULIA SEPERTI AMANAH, JUJUR, IKHLAS, DEDIKASI, BERTANGGUNGJAWAB DAN SENTIASA MENJAYAKAN DASAR-DASAR KERAJAAN.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

KOMITMEN YANG KUKUH MERUPAKAN ASAS ORGANISASI YANG BERDAYA MAJU. SEKIRANYA SESEORANG ITU BERSIKAP POSITIF, DIA AKAN SUKA BEKERJA DAN AKAN BERUSAHA SEDAYA UPAYA UNTUK MELAKSANAKAN BAGI MENCAPAI HASIL YANG TERBAIK. SEBALIKNYA JIKA SESEORANG ITU BERSIKAP NEGATIF, DIA SEBENARNYA TIDAK SUKA ATAU TIDAK MENGHARGAI TUGAS DAN TIDAK MELAKSANAKANNYA DENGAN BERSUNGGUH-SUNGGUH.

SAYA HARAP SETIAP ANGGOTA LPPKN DAPAT MERENUNG SEJENAK KEPADA SIKAP KITA TERHADAP TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB YANG

DIAMANAHKAN DAN BERTANYA DENGAN IKHLAS SAMA ADA SELAMA INI KITA TELAH MEMBERIKAN PERKHIDMATAN YANG BETUL DAN SEWAJARNYA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN INI, SAYA INGIN MENEGASKAN BAHAWA SESUNGGUHNYA AMALAN KERJA YANG BAIK ITU PERLU TERUS DIPERBAIKI DAN DIMANTAPKAN LAGI. SEBALIKNYA AMALAN YANG KURANG SESUAI DAN GAGAL DILAKSANAKAN, DIKAJI SEMULA DAN DIGANTI DENGAN KAEDAH ATAU PENDEKATAN KERJA YANG LEBIH BAIK.

INI KERANA AMALAN MENILAI PRESTASI DAN PENCAPAIAN KERJA KITA YANG LEPAS ADALAH SEBAHAGIAN DARIPADA PROSES PEMBELAJARAN YANG PERLU DILAKUKAN SECARA BERTERUSAN KERANA PERUBAHAN SENTIASA BERLAKU DALAM PERSEKITARAN. NAMUN, MENILAI AMALAN KERJA UNTUK MAJU LAGI KE HADAPAN MEMERLUKAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN YANG TURUT MEMERLUKAN PELABURAN SEWAJARNYA.

PEMBANGUNAN DARI SEGI ILMU, PENGETAHUAN, KOMPETENSI, KEMAHIRAN, MOTIVASI, SIKAP, NILAI DAN PELBAGAI *INVISIBLE HUMAN ASSET* YANG LAIN MERUPAKAN MODAL INSAN YANG PERLU DIBANGUNKAN DAN PELABURAN YANG TERBAIK BAGI MEMASTIKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN DALAM SESEBUAH ORGANISASI PERKHIDMATAN AWAM.

SESUNGGUHNYA MODAL INSAN AKAN MENJADI 'KUASA' YANG BERPOTENSI APABILA BERADA DALAM PENGUASAAN PENGURUS ATAU

**PENGAMAL YANG TAHU BAGAIMANA UNTUK MEMBOLEHKANNYA  
MENGAMBIL TINDAKAN YANG BERKESAN DAN BERWIBAWA.**

**TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,**

**DI SINI SAYA SEKALI LAGI MENGAMBIL KESEMPATAN UNTUK  
MENGUCAPKAN SELAMAT TAHUN BARU 2009. HARUNGILAH HARI-HARI  
YANG MENDATANG DENGAN SEMANGAT DAN JIWA KENTAL BAGI  
MENERUSKAN USAHA-USAHA UNTUK MEMAJUKAN LPPKN INI. JADILAH  
WARGA KERJA YANG EFISIEN DAN BERTANGGUNGJAWAB DEMI  
MEREALISASIKAN VISI DAN MISI LPPKN.**

**SEKIAN.**

**WABILLAHITAUFIK WAL HIDAYAH**

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.**

**TERIMA KASIH.**